

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah tunggakan kos rawatan yang gagal dibayar oleh warga asing di Sabah mengikut negara dan hospital dari tahun 2017 hingga 2019. Adakah Kementerian bercadang untuk memerlukan kedutaan negara asal pesakit asing untuk menjadi penjamin bagi kos rawatan, dan apakah kekangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Ogos 2019, jumlah tunggakan pesakit warganegara asing di negeri Sabah adalah sebanyak RM10,362,597.60. Bagi tahun 2018, tunggakan adalah berjumlah RM14,593,937.66 manakala bagi tahun 2017, jumlah tunggakan adalah sebanyak RM9,656,942.50.

Bagi tahun 2017, Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Likas merupakan hospital dengan tunggakan tertinggi iaitu sebanyak RM2,940,113.00. Bagi tahun 2018, Hospital Lahad Datu dengan tunggakan RM4,062,775.00 dan sehingga Ogos 2019, tunggakan tertinggi adalah Hospital Lahad Datu dengan jumlah sebanyak RM3,209,558.50.

SOALAN NO : 17

Kementerian mengambil inisiatif untuk menangani isu berkaitan tunggakan pesakit warganegara asing yang datang mendapatkan perkhidmatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan mengadakan kerjasama dengan Kementerian Luar Negeri (KLN). KKM juga telah menghubungi Kedutaan negara asal pesakit asing untuk mendapatkan kerjasama mereka bagi tindakan-tindakan berikut:

- a) Urusan mengambil dan menghantar balik pesakit yang di discaj dengan kadar segera atau bagi tujuan menghubungi waris terdekat kepada pesakit; dan
- b) Mengeluarkan surat pemberitahuan tunggakan warganegara asing untuk disampaikan melalui saluran diplomatik melalui KLN kepada negara-negara berkenaan.

Sekian, terima kasih.